

1103/2
Bahasa Melayu
Kertas 2
November/Disember
Peraturan
Pemarkahan
2022



**MAJLIS PENGETUA SEKOLAH MALAYSIA
NEGERI SEMBILAN**

**PROGRAM PENINGKATAN AKADEMIK TINGKATAN 5
SEKOLAH-SEKOLAH NEGERI SEMBILAN 2022**

BAHASA MELAYU

Kertas 2

PERATURAN PEMARKAHAN

UNTUK KEGUNAAN PEMERIKSA SAHAJA

AMARAN

Peraturan pemarkahan ini **SULIT** dan **Hak Cipta MPSM Negeri Sembilan**. Kegunaannya khusus untuk pemeriksa yang berkenaan sahaja. Sebarang maklumat dalam peraturan pemarkahan ini tidak boleh dimaklumkan kepada sesiapa. Peraturan pemarkahan ini tidak boleh diterbitkan dalam apa-apa bentuk media.

Peraturan pemarkahan ini mengandungi 17 halaman bercetak.

[Lihat halaman sebelah

MARKAH PENUH : 100 MARKAH**BAHAGIAN A : SISTEM DAN APLIKASI BAHASA**

Markah penuh 35 markah dibahagikan kepada

Soalan 1 : 8 markah

Soalan 2 : 6 markah

Soalan 3 : 11 markah

Soalan 4 : 6 markah

Soalan 5 : 4 markah

Perhatian bagi soalan 1 – Morfologi

1. Berikan 1 markah bagi setiap kata bantu yang betul.
2. Berikan 1 markah bagi setiap ayat yang betul dan gramatis dengan menggunakan kata bantu tersebut.
3. Boleh menggunakan struktur cakap ajuk dengan mematuhi tanda baca dengan betul.
4. Sekiranya beberapa kata yang diuji telah digunakan dalam satu ayat, berikan pertimbangan sebagai satu ayat sahaja.
5. Kata yang diuji salah tetapi ayat yang dibina betul, berikan 0 markah.
6. Calon menyalin / meniru keseluruhan ayat daripada perkataan atau mana-mana bahagian dalam keseluruhan kertas soalan, berikan 0 markah. Perkataan digunakan sebagai kata nama khas atau peribahasa, berikan 0 markah.
7. Ayat yang dibina seperti satu ayat tetapi sebenarnya lebih, berikan 0 markah.
8. Maksud ayat tidak jelas, berikan 0 markah.
9. Tolak 1 markah bagi kesalahan ejaan / jalan bahasa / tanda baca daripada keseluruhan jawapan.
10. Sekiranya calon membina ayat cakap ajuk – **WAJIB** ada tanda pengikat kata.
11. Perkataan yang disenaraikan tidak boleh ada perkataan lain sama ada di bahagian hadapan atau di bahagian belakang.
12. Terima hanya 4 perkataan dalam senarai teratas sahaja.

Soalan 1 – Morfologi

- (i) dapat
 - berupaya, mampu
- (ii) telah
 - kata yang menyatakan perbuatan dan lain-lain yang lampau (sempurna, selesai), sudah
 - sebaik sahaja

- (iii) sudah
- telah siap sedia, lengkap, selesai
 - habis, berakhir
 - telah lalu (lampau)
 - telah berlaku
- (iv) patut
- baik atau elok (perangai, perbuatan dan lain-lain)
 - layak, sesuai (untuk melakukan sesuatu dan lain-lain)
 - tidak berlebihan atau berkurangan
 - sepadan
 - berpadanan
 - tidak boleh tidak, mesti, wajib
 - perlu, penting
 - sudah seharusnya
- (v) sedang
- tengah (ketika, masih)
 - sementara, dalam pada itu, dalam waktu ini, ketika itu
- (vi) akan
- bagi, buat, pada, untuk
 - untuk menyatakan sesuatu kemungkinan (hendak terjadi sesuatu)

[Maksimum: 8 markah]

Soalan 2 – Sintaksis

(i) **Ayat aktif :**

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah mengeluarkan Garis Panduan Pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Ayat pasif :

Garis Panduan Pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) telah dikeluarkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

(ii) **Ayat aktif :**

Murid-murid tingkatan lima bagi tahun 2020 telah menduduki peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dalam kebiasaan baharu.

Ayat pasif :

Peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) telah diduduki oleh murid-murid tingkatan lima bagi tahun 2020 dalam kebiasaan baharu.

[Lihat halaman sebelah

(iii) **Ayat aktif :**

“Saya telah mengatur jadual belajar berdasarkan kronologi terbalik,”

Ayat pasif :

“Jadual belajar berdasarkan kronologi terbalik telah saya atur.”

“Jadual belajar telah saya atur berdasarkan kronologi terbalik.”

“Jadual belajar berdasarkan kronologi terbalik telah saya atur,” demikianlah penjelasan Jason apabila diajukan soalan berkaitan resipi kejayaannya.

“Jadual belajar telah saya atur berdasarkan kronologi terbalik,” demikianlah penjelasan Jason apabila diajukan soalan berkaitan resipi kejayaannya.

(tanda pengikat kata **WAJIB** disertakan)

[Maksimum: 6 markah]

Soalan 3 – Penyuntingan**Bahan 1**

- | | |
|-----------------------------|----------------------------------|
| (i) Maklumat | – MAKLUMAN / Makluman / makluman |
| (ii) yang | – bahawa |
| (iii) Kelinik | – Klinik |
| (iv) Mengubah suai | – pengubahsuaian |
| (v) Cawangan yang lain kami | – cawangan kami yang lain |
| (vi) March | – Mac |
| (vii) ditalian | – di talian |

[Maksimum: 6 markah]

Bahan 2

- | | |
|--------------------------|----------------------|
| (i) apa | – apa-apa |
| (ii) diberikan oleh kamu | – kamu berikan |
| (iii) lain-lain barang | – barang-barang lain |
| (iv) menuntun | – menonton |
| (v) ais kerim | – ais krim |
| (vi) dimula | – bermula |

[Maksimum: 5 markah]

[Lihat halaman sebelah

Panduan pemarkahan menukarkan Bahasa Melayu Klasik kepada Bahasa Melayu Standard bagi Soalan 4.

Deskripsi	Markah
- Isi cukup dan lengkap, mengikut urutan dan ayat gramatis	5-6
- Isi cukup dan lengkap, mengikut urutan dan ayat <i>masih</i> gramatis	4
- Isi cukup dan lengkap, mengikut urutan dan ayat <i>kurang</i> gramatis	3
- Isi tidak cukup , mengikut urutan dan ayat gramatis	
- Isi tidak cukup , mengikut urutan dan ayat <i>kurang</i> gramatis	2
- Isi tidak cukup , mengikut urutan dan ayat <i>tidak</i> gramatis	1
- Ayat disalin bulat-bulat	0
-Isi tidak mengikut urutan	0

Soalan 4 – Bahasa Melayu Standard

Seri Nara Diraja tersenyum. Tun Nina Madi diberi gelaran oleh Sultan Muzaffar Syah sebagai Tun Bijaya Maha Menteri. Setelah Paduka Raja dan Seri Nara Diraja menjadi pembesar, anak Melayu telah berpecah iaitu sebahagian berpihak kepada Paduka Raja dan sebahagian lagi berpihak kepada Seri Nara Diraja, kerana kedua-duanya keturunan yang baik-baik.

[Maksimum: 6 markah]

Soalan 5 – Peribahasa

Panduan pemarkahan soalan 5

- Calon perlu menyenaraikan peribahasa yang terdapat dalam petikan.
- Terima hanya **2** peribahasa yang berada dalam senarai teratas.
- Peribahasa perlu **disalin bulat-bulat** daripada petikan.

(i) **banyak udang banyak garam, banyak orang banyak ragam**

- Rambut sama hitam, hati lain-lain
- Lain dulang lain kakinya

(ii) **seperti hujan jatuh ke pasir**

- Seperti mencurah air ke daun keladi
- Masuk telinga kanan keluar telinga kiri
- Seperti mencurah garam ke laut

(iii) **seperti duduk dalam duri**

- Seperti cacing kepanasan

[Maksimum: 4 markah]

BAHAGIAN B : PEMAHAMAN**PANDUAN PEMARKAHAN SOALAN PEMAHAMAN SOALAN 2 MARKAH**

DESKRIPSI	MARKAH
Jawapan tepat mengikut konteks / isi cukup / ayat gramatis	2
Jawapan tepat mengikut konteks / isi cukup / ayat tidak gramatis	1
Jawapan kurang tepat / isi tidak cukup	
Jawapan salah	0

PANDUAN PEMARKAHAN SOALAN PEMAHAMAN SOALAN 3 MARKAH

DESKRIPSI	MARKAH
Isi cukup (2 isi) / menyentuh semua bahan / relavan dengan tugas / ayat gramatis	3
Isi cukup (2 isi) / menyentuh semua bahan / relavan dengan tugas / ayat kurang gramatis	2
Isi tidak cukup (2 isi) / menyentuh semua bahan / ayat gramatis	
Isi tidak cukup (1 isi) / tidak menyentuh semua bahan	1
Jawapan salah	0

PANDUAN PEMARKAHAN SOALAN PEMAHAMAN SOALAN 4 MARKAH

DESKRIPSI	MARKAH
Isi cukup (3 isi) / menyentuh semua bahan / relavan dengan tugas / ayat gramatis	4
Isi cukup (3 isi) / menyentuh semua bahan / relavan dengan tugas / ayat kurang gramatis	3
Isi tidak cukup (2 isi) / menyentuh semua bahan / relavan dengan tugas / ayat gramatis	
Isi tidak cukup (2 isi) / tidak menyentuh semua bahan / ayat gramatis	2
Isi tidak cukup (1 isi) / menyentuh semua bahan / ayat gramatis	
Isi tidak cukup (1 isi) / tidak menyentuh semua bahan	1
Jawapan salah	0

PANDUAN PEMARKAHAN SOALAN PEMAHAMAN SOALAN 3 MARKAH**- UNSUR KBAT**

DESKRIPSI	MARKAH
Isi cukup (2 isi) / relavan dengan tugas / ayat gramatis	3
Isi cukup (2 isi) / relavan dengan tugas / ayat kurang gramatis	2
Isi tidak cukup (1 isi) / ayat gramatis	
Isi tidak cukup (1 isi) / ayat kurang gramatis	1
Jawapan salah	0

[Lihat halaman sebelah

**PANDUAN PEMARKAHAN SOALAN PEMAHAMAN SOALAN 4 MARKAH
- UNSUR KBAT**

DESKRIPSI	MARKAH
Isi cukup (3 isi) / relavan dengan tugas / ayat gramatis	4
Isi cukup (3 isi) / relavan dengan tugas / ayat kurang gramatis	3
Isi tidak cukup (2 isi) / ayat gramatis	
Isi tidak cukup (2 isi) / ayat kurang gramatis	2
Isi tidak cukup (1 isi) / ayat gramatis	
Isi tidak cukup (1 isi) / ayat kurang gramatis	1
Jawapan salah	0

Soalan 6**Markah****(i) Medium komunikasi**

P1	bahan / alat / wahana / saluran perantaraan / perhubungan	2
P2	bahan / alat / wahana / saluran komunikasi	1
P3	medium perantaraan / perhubungan	1
P4	jawapan tidak tepat	0

(ii) Selain pengaruh persekitaran, faktor bahasa Melayu mudah dikuasai oleh masyarakat yang bukan berbangsa Melayu**Bahan 1**

P1	amalan perkahwinan campur	1
----	---------------------------	---

Bahan 2

P2	kerja / desakan kerja	1
P3	kelangsungan hidup	1

[Maksimum: 3 markah]**[Isi cukup: 2 isi]**

(iii) Kesan pendarang asing kepada masyarakat Malaysia**Kesan positif**

P1	mempercepat proses pembangunan negara	1
P2	mengatasi masalah kekurangan pekerja	1
P3	pertukaran teknologi	1
P4	menaikkan imej negara terutama sektor pelancongan	1
P5	meningkatkan produktiviti negara	1

Kesan negatif

P6	meningkatkan masalah jenayah	1
P7	meningkatkan kadar pengangguran masyarakat Malaysia	1
P8	masyarakat Malaysia berasa terancam dari aspek keselamatan	1

(Kesan-kesan lain diterima sekiranya sesuai)**[Maksimum: 3 markah]****[Isi cukup: 2 isi]****(iv) Tindakan anda sebagai Pengerusi Persatuan Bahasa Melayu untuk memastikan program yang dirancang ini berjaya dilaksanakan**

P1	menghasilkan kertas kerja	1
P2	mendapatkan kelulusan daripada pentadbir sekolah untuk menjalankan program	1
P3	mengadakan mesyuarat gerak kerja	1
P4	mengadakan perbincangan / merancang aktiviti bersama wakil penduduk masyarakat Baba dan Nyonya	1
P5	menyediakan kelengkapan untuk mengadakan lawatan / pengangkutan	1
P6	menguruskan penyertaan peserta / mengadakan taklimat	1

(Tindakan-tindakan lain diterima sekiranya sesuai)**[Maksimum: 4 markah]****[Isi cukup: 3 isi]**

SOALAN 7

Markah

- (i) *Fikir dahulu sebelum berkata,
Supaya terelak silang sengketa.*

P1	berfikir dahulu sebelum berkata-kata supaya dapat mengelakkan diri daripada persengketaan / perselisihan	2
P2	jawapan tidak tepat (pergaduhan / perbalahan)	0

- (ii) **Punca anak-anak zaman kini mengalami keruntuhan adab dan tatasusila.**

Bahan 1

P1	kurang fikir	1
P2	kurang siasat	1

Bahan 2

P3	semua orang dalam rumah ini sentiasa sibuk saja	1
P4	ahli keluarga tersebut hanya mementingkan wang ringgit	1

Bahan 3

P5	faktor media massa	1
P6	kurangnya perhatian orang tua	1
P7	masyarakat berlumba-lumba memburu kekayaan material	1

[Maksimum: 4 markah]

[Isi cukup: 3 isi]

- (iii) **Langkah-langkah yang perlu dilaksanakan untuk mengatasi isu yang serius ini**

P1	ibu bapa perlu bijak dalam mendidik anak-anak / pendidikan agama	1
P2	ibu bapa mempunyai komunikasi berkesan dengan anak-anak	1
P3	ibu bapa memberikan perhatian / tidak lepas tangan	1
P4	pihak sekolah memberi penekanan pendidikan agama / moral	1
P5	pihak sekolah mewujudkan kelab antijenayah	1
P6	pihak sekolah mengadakan kempen / ceramah pencegahan jenayah	1
P7	kerajaan mewujudkan konsep bandar dan pekan selamat.	1
P8	kerajaan / pihak berkuasa menguatkuasakan undang-undang	1

(Langkah-langkah lain diterima sekiranya sesuai)

[Maksimum: 3 markah]

[Isi cukup: 2 isi]

[Lihat halaman sebelah

Markah

(iv) **Sebagai rakan sekelas yang prihatin, tindakan sewajarnya yang perlu anda ambil**

P1	memaklumkan kepada guru / guru disiplin	1
P2	memaklumkan kepada kaunselor sekolah	1
P3	memaklumkan kepada ibu bapa saya	1
P4	memaklumkan kepada ibu bapa kawan saya	1
P5	menasihati rakan saya	1
P6	menghubungi pihak berkuasa	1

(Tindakan-tindakan lain diterima sekiranya sesuai)

[Maksimum: 4 markah]

[Isi cukup: 3 isi]

Soalan 8

Markah

(i) **Tindakan Nordin untuk melepaskan geram kepada Adnan**

P1	bingkas bangun	1
P2	bentak Nordin / Nordin membentak	1
P3	meluru ke arah Adnan	
P4	melepaskan beberapa tumbukan	1
P5	menerkam ke arah Adnan	1

[Maksimum: 4 markah]

[Isi cukup: 3 isi]

Panduan pemarkahan bagi soalan 8 (ii)**(ii) Jawapan soalan novel**

- (a) Jawapan berdasarkan sebuah novel yang dipelajari.
- (b) Jawapan hendaklah dalam ayat-ayat yang lengkap.
- (c) Beri **1 markah** bagi setiap isi yang betul. (**peristiwa yang memberikan inspirasi**)
- (d) Beri **1 markah** bagi huraian yang lengkap / jelas. (**alasan**)
- (e) Markah isi maksimum 4 markah (2 markah bagi setiap isi dan peristiwa / huraian / contoh).
- (f) Sekiranya **isi salah**, huraian tidak diterima.
- (g) Markah bahasa maksimum 2 markah, diberi secara kesan menyeluruh:
 - Baik : 2 markah
 - Lemah : 1 markah
- (h) Jika calon menjawab dan markah isi kosong, beri 1 markah untuk bahasa.
- (i) Calon tidak menjawab 0 markah.

[Maksimum: 6 markah]

Novel Leftenan Adnan Wira Bangsa

1. **Isi : Leftenan Adnan dan pasukannya enggan menyerah kalah kepada tentera Jepun walaupun diminta berbuat demikian. Mereka tetap bertahan memperjuangkan kedaulatan Bukit Candu walaupun kekurangan senjata dan anggota.**
Huraian : Kesungguhan pejuang tanah air berkorban demi negara.
2. **Isi : Pak Saidi sanggup berhadapan dengan tentera Jepun demi menyelamatkan menantu dan cucu-cucunya. Dia telah membunuh beberapa orang tentera Jepun yang sedang mencari waris keluarga Adnan. Akhirnya Pak Saidi terkorban.**
Huraian : Pengorbanan bapa demi keselamatan keluarganya.
3. **Isi : Pak Saidi tidak mepedulikan cercaan orang kampung yang mengkritik tindakannya menghantar Adnan ke sekolah Inggeris. Pak Saidi lebih memikirkan masa hadapan anak daripada pandangan serong penduduk kampung.**
Huraian : Pengorbanan bapa demi masa depan anak.
4. **Isi : Adnan yang sanggup meletakkan jawatan sebagai seorang guru demi mencapai cita-citanya menjadi seorang tentera. Dia ingin menyumbang tenaga untuk mempertahankan tanah air.**
Huraian : Keazaman yang tinggi untuk melindungi negara.
5. **Isi : Adnan yang kurang fasih berbahasa Inggeris tetap menyertai pertandingan pidato Bahasa Inggeris. Dia gigih berlatih hingga menjuarai pertandingan tersebut.**
Huraian : Sikap tidak mudah menyerah kalah.

[Terima jawapan-jawapan lain yang relevan]

[Lihat halaman sebelah

Novel Tirani

1. **Isi : Waheeda bertekad untuk bangkit daripada kegagalannya dalam rumah tangga. Dia telah pergi mendapatkan rawatan di Hospital Pusrawi bagi menangani kemurungannya.
Huraian : Kesanggupan seseorang dalam menghadapi masalah dalam hidupnya.**
2. **Isi : Izzati memaafkan bapanya walaupun Zahid tidak pernah mengakui kewujudannya. Dia menganggap perbuatan memaafkan lebih baik daripada berdendam.
Huraian : Ketulusan hati anak dalam menerima permohonan maaf daripada bapanya.**
3. **Isi : Waheeda yang memiliki kelulusan ijazah tidak mengharapkan kerja makan gaji sahaja. Dia membuat pinjaman daripada Bank Pembangunan untuk menubuhkan Syarikat Tajau Emas.
Huraian : Kebijaksanaan anak muda dalam merancang masa depannya.**
4. **Isi : Waheeda bekerja sementara di Hotel Flamingo ketika sedang menjalani rawatan di Silicon Medical Centre. Dia mempelajari banyak ilmu baharu perhotelan di sana. Dia ingin mengaplikasikan ilmu tersebut di Tajau Emas.
Huraian : Sikap cinta akan ilmu yang menebal.**
5. **Isi : Waheeda enggan menggabungkan Syarikat Tajau Emas dengan Seri Gading seperti yang dihasratkan oleh bapa mentuanya. Dia ingin membangunkan syarikat pelancongan milik keluarganya.
Huraian : Sikap berdikari untuk mencapai kejayaan.**

[Terima jawapan-jawapan lain yang relevan]

BAHAGIAN C : RUMUSAN

Markah penuh **30** dibahagikan kepada:

- (a) Isi – **20 markah**
(b) Bahasa – **10 markah**

- (a) **Isi [20 markah]**

Nota:

- (i) Panduan mengira perkataan
- Perkataan yang dikira sebagai satu perkataan:
 - nama khas
 - perkataan berganda
 - penggunaan kata sendi di dan ke
 - tarikh
 - angka yang ditulis dengan nombor dan perkataan
 - gelaran
 - penanda wacana
- (ii) Kira dan **tandakan** jawapan calon setakat **120 patah perkataan** sahaja sebelum diperiksa.
- (iii) Periksa jawapan calon setakat **120 patah perkataan** sahaja, yang selebihnya **tidak perlu diperiksa**.
- (iv) Berikan 2 markah bagi setiap isi yang tepat dan lengkap sahaja.
- (v) Calon perlu mengambil sekurang-kurangnya 1 isi daripada **setiap fokus** dan daripada **setiap bahan**.
- (vi) Jumlah isi maksimum yang diterima daripada **semua fokus** dan **semua bahan** ialah 8 isi yang lengkap sahaja.

Bahagian	Bilangan Isi	Bilangan Isi Diterima											Markah maksimum	
(i) Pendahuluan														2
(ii) Isi Bahan 1														16
Fokus 1 (Ciri / kriteria)	4	4	3	3	3	2	2	2	2	1	1	1		
Fokus 2 (Langkah / Usaha / Cara)	3	1	2	1	1	3	2	2	1	3	2	1		
(iii) Isi Bahan 2														
Fokus 1 (Ciri / Kriteria)	3	1	1	2	1	1	1	2	3	2	3	3		
(iv) Isi Bahan 3														
Fokus 1 (Ciri / Kriteria)	1	1	1	1	1	1	1	1	1	1	1	1		
Fokus 2 (Langkah / Usaha / Cara)	2	1	1	1	2	1	2	1	1	1	1	2		
Jumlah Isi	13	8	8	8	8	8	8	8	8	8	8	8		
(v) Penutup / Kesimpulan													2	
Jumlah Markah												20		

(b) Bahasa [10 markah]

Asas pemberian markah bahasa tidak bergantung kepada markah isi tetapi dinilai secara holistik.

PERINGKAT	MARKAH BAHASA	KRITERIA
Cemerlang	8-10 markah	<ul style="list-style-type: none"> • Kesenambungan ayat <i>sangat</i> baik. • Bahasa <i>sangat</i> gramatis dari segi kata dan ayat, penggunaan tanda baca yang betul dan tepat serta mengikut sistem ejaan Rumi baharu. • Penggunaan kosa kata luas dan tepat. • Pengolahan <i>sangat</i> menarik dan berkesan.
Baik	5-7 markah	<ul style="list-style-type: none"> • Kesenambungan ayat baik. • Bahasa <i>masih</i> gramatis dari segi kata dan ayat, penggunaan tanda baca yang betul dan tepat serta mengikut sistem ejaan Rumi baharu. • Penggunaan kosa kata <i>masih</i> luas dan tepat. • Pengolahan <i>masih</i> menarik dan berkesan.
Sederhana	3-4 markah	<ul style="list-style-type: none"> • Kesenambungan ayat <i>kurang</i> baik. • Bahasa <i>kurang</i> gramatis dari segi kata dan ayat, penggunaan tanda baca yang betul dan tepat serta mengikut sistem ejaan Rumi baharu. • Penggunaan kosa kata <i>kurang</i> luas dan tepat. • Pengolahan <i>kurang</i> menarik dan berkesan.
Lemah	1-2 markah	<ul style="list-style-type: none"> • Pada keseluruhannya dalam serba kekurangan / tidak memuaskan/ kurang atau tidak difahami.

[Lihat halaman sebelah
SULIT

Nota:

- (i) Jika menjawab dalam bentuk poin / fakta markah bahasa ialah pada peringkat lemah.
- (ii) Jika markah isi 6 markah dan ke atas, markah bahasa dinilai seperti biasa.
(rujuk jadual)
- (iii) Jika markah isi 5 markah dan ke bawah tetapi bahasa *sangat baik*, markah maksimum bahasa ialah 5 markah.
- (iv) Jika disalin **bulat - bulat** perkataan demi perkataan, ayat demi ayat walaupun jumlah perkataan kurang 120 patah perkataan, beri 0 markah bahasa.
- (v) Jika rumusan kurang daripada 120 patah perkataan, markah bahasa dinilai seperti biasa.

Pendahuluan [2markah]

	Markah
P1 membincangkan ciri-ciri / kriteria-kriteria usahawan dalam talian yang berjaya dan langkah-langkah / usaha-usaha / cara-cara menyokong pembangunan usahawan (<i>dalam talian</i>).	2
P2 membincangkan ciri-ciri / kriteria-kriteria usahawan dalam talian yang berjaya.	1
P3 membincangkan langkah-langkah / usaha-usaha / cara-cara menyokong pembangunan usahawan (<i>dalam talian</i>).	1

Isi [16 markah]**FOKUS 1: Ciri-ciri/ Kriteria-kriteria usahawan dalam talian yang berjaya****Bahan 1**

A1 mahir mengurus dengan cekap hal ehwal pengurusan perniagaan.	2
A2 berhati-hati dengan rakan lain yang berniaga dalam medan yang sama.	2
A3 bijak dalam meminimumkan risiko dan sentiasa mencipta peluang.	2
A4 mempunyai sikap proaktif dalam mengenal pasti peluang yang wujud.	2

Bahan 2

B1 Memberikan kualiti khidmat pelanggan yang terbaik.	2
B2 Mewujudkan laman sesawang yang interaktif dan mesra pengguna.	2
B3 Mengutamakan kualiti dan penghantaran produk.	2

Bahan 3

C1 Patuh akan undang-undang negara.	2
-------------------------------------	---

[Lihat halaman sebelah
SULIT

FOKUS 2: Langkah-langkah / usaha-usaha / cara-cara menyokong pembangunan usahawan**Bahan 1**

- | | | |
|----|--|---|
| D1 | Pelbagai agensi telah membangunkan program dengan kriteria khusus. | 2 |
| D2 | Pembangunan usahawan di institusi pengajian tinggi. | 2 |
| D3 | Kerajaan menyediakan Pelan Tindakan Keusahawanan Institusi Pengajian Tinggi. | 2 |

Bahan 3

- | | | |
|----|---|---|
| E1 | Kerajaan memberi bimbingan dan latihan. | 2 |
| E2 | Dana pinjaman turut tersedia. | 2 |

Kesimpulan [2 markah]

- | | | |
|----|---|---|
| K1 | Kesimpulannya, usahawan dalam talian haruslah berdaya saing agar perniagaan mereka terus berkembang. | 2 |
| K2 | Kesimpulannya, semua pihak haruslah menyokong usahawan dalam talian agar membantu pertumbuhan ekonomi negara. | 2 |
| K3 | Kesimpulannya, semua pihak haruslah menyokong usahawan dalam talian. | 1 |

(Kesimpulan yang lain boleh diterima sekiranya sesuai)

PERATURAN PEMARKAHAN TAMAT

